

# **ILMU DIPLOMATIK SEBAGAI PUSTAKA WATAN DALAM KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL**

**(Diplomatic Knowledge as National Wisdom in Traditional Malay Literature)**

*Salmah Jan Noor Muhammad*

salmahjan@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Salmah Jan Noor Muhammad. (2023). Ilmu diplomatik sebagai pustaka watan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 125–140. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	15/8/2022	Semakan: <i>Revised</i>	14/9/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	24/11/2021	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--------------------------------------------------	----------

## **Abstrak**

Manuskrip Melayu merupakan khazanah berharga yang mencatatkan rekod pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan kesultanan Melayu. Menerusi catatan peristiwa tersebut, terdapat pelbagai ilmu yang dapat diselongkar sebagai pustaka watan. Pustaka watan ialah himpunan ilmu tempatan yang memberi kemaslahatan kepada masyarakat selain membuktikan ketinggian keintelikualan zaman silam yang dapat diwarisi. Antara ilmu yang dapat dikenal pasti ialah ilmu diplomatik. Ilmu diplomatik ialah pengetahuan tentang pengurusan hal ehwal hubungan antarabangsa sesebuah kerajaan. Perkembangan pengurusan serta pengukuhan kestabilan pemerintahan kesultanan Melayu adalah bersandarkan cetusan hubungan ini. Kepelbagaiannya perkongsian sumber organisasi dan bahan semula jadi menjadikan hubungan antara dua atau lebih kerajaan menjadi akrab dan dapat membina hubungan atas dasar percaya dan keyakinan masing-masing. Namun demikian, ilmu diplomatik sebagai pustaka watan masih lagi belum berkembang kajiannya. Oleh itu, makalah ini akan menghuraikan serta menganalisis ilmu diplomatik sebagai pustaka watan dengan menggunakan *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai bahan perbincangan. Dalam pada itu, kaedah kepustakaan

dan juga analisis teks digunakan untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya terdapat bentuk dan juga kaedah pengendalian ilmu diplomatik sebagai pustaka watan menerusi naskhah terpilih. Kajian ini dapat menyumbangkan pengetahuan kepada pengkaji bidang lain yang berkaitan agar memanfaatkan data yang telah direkodkan oleh para ilmuwan terdahulu dalam manuskrip Melayu.

Kata kunci: Ilmu diplomatik, *Hikayat Merong Mahawangsa*, kesultanan Melayu, kesusasteraan Melayu tradisional, manuskrip Melayu, pustaka watan

### ***Abstract***

*Malay manuscripts are valuable documents that have records of the government and administration of a Malay Sultanate. Based on the records, there are various knowledge that can be searched as national wisdom. National wisdom is a collection of local knowledge that benefits the community, besides proving the intellectual peak of the past, which can be inherited by the community. Among the types of knowledge that are identified is diplomatic knowledge, which is knowledge of how a government manages its international affairs. The development of management and reinforcement of the stability of the Malay Sultanate is based on this relationship. The diverse sharing of organizational resources and natural materials made the relationship between two or more governments closer and based on mutual trust. However, diplomatic knowledge as national wisdom is still not fully explored in studies. Therefore, this article describes and analyzes diplomatic knowledge as national wisdom by using Hikayat Merong Mahawangsa as the material of discussion. As such, library methods and text analysis were used to achieve the objectives of the study. The results of this study showed that, on the whole, there is a form and method to handling diplomatic knowledge as national wisdom through selected manuscripts. This study can contribute knowledge to researchers in other related fields in order to utilize the data that have been recorded by previous authors in Malay manuscripts.*

**Keywords:** *Diplomatic knowledge, Hikayat Merong Mahawangsa, Malay sultanate, traditional Malay literature, Malay manuscripts, national wisdom*

## **PENDAHULUAN**

Secara umumnya, ilmu ditakrifkan sebagai suatu keadaan atau sifat untuk mengetahui, mengenali, mengingati sesuatu perkara, kejadian, dan kelakuan, serta sebagai himpunan daripada apa-apa yang diketahui, ditemui dan ditanggapi. Himpunan daripada yang diketahui itu dapat dinamakan sebagai pengetahuan. Oleh itu, ilmu

pengetahuan mencakupi kedua-dua aspek, iaitu ilmu sebagai sifat mengetahui dan pengetahuan sebagai himpunan apa-apa yang diketahui (Hashim, 2004).

Dalam usaha meneliti naskhah Melayu klasik terutamanya bergenre sastera sejarah, terdapat persoalan yang membicarakan tentang jalinan hubungan antarabangsa antara kerajaan. Dalam konteks terkini, jalinan hubungan antarabangsa ini dikenali sebagai hubungan diplomatik. Walaupun, tidak terdapat manuskrip khusus atas nama manuskrip diplomatik seperti manuskrip perubatan dan persenjataan, namun hal ini bukanlah satu gendala untuk mengetengahkan ilmu yang penting ini bagi menonjolkan serta membuktikan kemajuan keintelektualan masyarakat silam.

Istilah diplomatik dapat didefinisikan sebagai hubungan yang tercipta antara dua atau lebih kerajaan menerusi persetujuan bersama bagi memantapkan pentadbiran kerajaan masing-masing. Menurut Afzal (2000), diplomatik ialah saranan untuk mencapai tujuan dan sesuatu yang bersih, jujur dan mencari jalan persetujuan serta mengutamakan persefahaman keamanan. Sementara itu, Mokhtar (2005) menyatakan bahawa diplomatik merujuk hubungan tersusun antara kerajaan dan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi antara negara-negara. Bijan (2012) menyatakan bahawa diplomatik ialah kemahiran perundingan yang telah ditetapkan oleh sesebuah negara untuk mencari kesefahaman dengan negara-negara lain bagi mengatasi isu berbangkit seperti politik antarabangsa.

Oleh itu, melalui percantuman dua perkataan, iaitu ilmu dan diplomatik, maka dapat didefinisikan bahawa ilmu diplomatik ialah pemikiran atau pengetahuan untuk membentuk, menyusun dan melaksanakan hubungan dengan mengadunkan akal fikir, akal budi dan tenaga fizikal dalam satu-satu masa. Hubungan ini bukan sahaja memfokuskan aspek politik semata-mata tetapi mencakupi juga ruang agama, adat dan budaya serta ekonomi. Pada zaman kesultanan Melayu, diceritakan bahawa pemerintah kerajaan telah menawarkan persahabatan dengan kerajaan sekitarnya bagi memantapkan pentadbiran dan menguatkan sistem pertahanan serta ketahanan kedaulatan kerajaan. Ilmu diplomatik Melayu membawa suatu titik mula kepada kegembilangan kesultanan Melayu yang dapat meninggalkan impak signifikan terhadap perubahan nilai dan paradigma masyarakatnya. Oleh itu, penulisan ini akan menghuraikan serta menganalisis ilmu diplomatik sebagai pustaka watan dalam kesusasteraan Melayu tradisional dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks.

## **MATLAMAT HUBUNGAN DIPLOMATIK**


Matlamat utama hubungan diplomatik adalah untuk melindungi sesebuah kerajaan daripada ancaman musuh luar bagi memelihara kebajikan dan keselamatan para

penduduknya, serta menjaga kedaulatan bangsa dan agama (Salmah Jan, 2018). Pernyataan ini adalah berdasarkan pendapat Mohd Jamil (2011) yang menyatakan bahawa tujuan utama sesebuah kerajaan menjalinkan hubungan diplomatik dengan beberapa buah kerajaan besar adalah untuk mengelakkan ancaman musuh yang mengganggu urusan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan berkenaan. Setiap kerajaan sama ada pada zaman pra-Islam dan zaman Islam sangat mementingkan hubungan diplomatik untuk memantapkan pemerintahan dan pentadbiran. Setiap negara saling bergantung untuk merealisasikan matlamat yang telah dirangka dan dicipta walaupun terdapat syarat yang perlu diikuti untuk mencapai kesepakatan tersebut.

*Sulalat al-Salatin* telah merekodkan perkahwinan sultan Melaka dengan Puteri Hang Li Po, anak Maharaja Cina bagi menjamin kedudukan kerajaan Melaka dan mengelakkan ancaman musuh. Apabila dilihat dari perspektif ini, hubungan ini bukan sekadar mengeratkan hubungan diplomatik dari aspek politik semata-mata tetapi juga mewujudkan implikasi dari sudut sosiobudaya terhadap masyarakat tempatan. Salah satu kesan kebudayaan yang ketara ialah wujudnya kaum peranakan Baba dan Nyonya di Melaka sehingga kini. Dengan adanya, matlamat diplomatik yang jelas, sesuatu hubungan yang terbina bukanlah dalam kadar masa yang pendek tetapi membawa kepada jangka masa panjang yang bermanfaat.

## BENTUK HUBUNGAN ILMU DIPLOMATIK

Berdasarkan pembacaan, bentuk hubungan ilmu diplomatik menerusi naskhah Melayu klasik dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu:



**Rajah 1** Bentuk hubungan ilmu diplomatik.

Hubungan diplomatik menjadi agenda penting untuk memperkasakan pemerintahan dan pentadbiran, serta memberikan pilihan terbuka kepada kerajaan bagi mengenal pasti bentuk hubungan yang ingin dicetuskan. Situasi ini adalah untuk memudahkan sesebuah kerajaan menetapkan sesuatu hubungan yang akan memberi timbal balas yang bersifat kebaikan antara kerajaan yang terlibat. Kata kunci utamanya ialah langkah permulaan pelaksanaan hubungan diplomatik dengan menentukan kekuatan dalam kerajaan sendiri dan juga kerajaan lain agar bentuk hubungan dapat diperincikan.

Hubungan tradisi bermaksud hubungan yang sudah sedia terjalin dalam tempoh masa yang lama, ataupun hubungan yang sudah mantap dan sebat. Hubungan diplomatik atas sebab tindakan ialah satu bentuk hubungan yang terjalin atas sebab dan akibat yang mempengaruhi antara dua atau lebih kerajaan. Sementara itu, hubungan yang terbentuk atas seleksi adalah penyebab yang mendorong sesebuah kerajaan untuk menjalinkan hubungan diplomatik.

Bentuk hubungan ini dapat dikesan menerusi *Sulalat al-Salatin*. Misalnya, dari aspek hubungan tradisi, iaitu hubungan Melaka dengan Pasai. Kerajaan Pasai telah wujud pada abad ke-13 Masihi dan terkenal dengan penggunaan bahasa Melayu serta penyebaran agama Islam (Amat Juhari & Abdul Rashid, 2006). Hubungan tersebut wujud semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah dan legasi hubungan ini diteruskan sehingga pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Hubungan yang terjalin ini cenderung membahaskan tentang isu-isu dalam agama Islam. Pasai menjadi rujukan untuk mendapatkan kepastian tentang kekhilafan agama dan hal ini menyebabkan kedua-dua buah kerajaan ini mempunyai hubungan yang erat.

Sementara itu, hubungan diplomatik atas sebab tindakan dan seleksi pula menumpukan pada hubungan yang terjalin atas kepentingan kerajaan yang terlibat. Misalnya, kerajaan Melaka yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan China, Majapahit dan Siam adalah disebabkan oleh faktor pempengaruh seperti politik, ekonomi dan sosial. Hubungan ini menggunakan medium penghantaran utusan dan warkah sebagai pelaksanaan kepada kedua-dua bentuk hubungan.

## **ILMU DIPLOMATIK SEBAGAI PUSTAKA WATAN MASYARAKAT MELAYU**

Ilmu watan atau dikenali sebagai ilmu kepustakaan merupakan suatu himpunan ilmu yang lahir daripada kearifan tempatan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Kepustakaan watan juga ialah himpunan ilmu yang terhasil daripada kesepadan akal budi masyarakat tempatan yang diperoleh menerusi rekod ataupun deskripsi peristiwa dalam karya sastera Melayu tradisional. Kepustakaan watan juga dapat ditanggapi

sebagai kepustakaan tradisional. Menurut Harun (2006), kepustakaan ini merupakan khazanah kesusasteraan Melayu lama yang tiada beza dari segi nilai sasteranya; jika hendak dibandingkan dengan genre sastera tradisional yang lain, termasuk dalam aspek gaya bahasa, idiom, serta estetika. Kepustakaan watan memperlihatkan ciri-ciri kesusasteraan yang indah dan sesuai dengan kelaziman yang diterima pakai pada waktu karya itu wujud dan disebarluaskan. Secara ringkasnya kepustakaan watan merupakan cerminan pemikiran, jati diri bangsa dan daya kreativiti masyarakat Melayu. Selain itu, kepustakaan watan berfungsi sebagai penyampai maklumat yang dapat menerangkan tentang amalan yang diguna pakai oleh masyarakat dan dapat membantu merungkaikan permasalahan yang timbul.

Seterusnya, Harun (2014) juga telah menyenaraikan kepustakaan ilmu tradisional Melayu. Antaranya, ilmu bintang, ilmu penujuman, ilmu firasat, ilmu perubatan (dan perbomohan), dan ilmu bahasa (tatabahasa, kosa kata). Sebenarnya, terlalu banyak khazanah kepustakaan ilmu tradisional yang mengetengahkan ilmu pengetahuan para intelektual zaman silam yang diwarisi untuk ditebarluaskan, namun demikian ilmu tradisional ini masih lagi belum disantuni dengan sewajarnya. Menurut Wan Mohd Dasuki (2015), hal ini disebabkan oleh kurangnya pengkaji meneliti ilmu sebegini selain kekurangan dana yang menjadi faktor utama. Wan Mohd Dasuki (2015) juga berpendapat bahawakekangan ini berlaku kerana tidak ramai pihak berkenaan menyedari akan potensi dan kepentingan hasil kepustakaan ini terutamanya pada zaman globalisasi. Oleh itu, pendedahan maklumat tentang kepustakaan watan yang bersifat tradisional perlu dilakukan agar khazanah ilmu ini dapat disampaikan kepada golongan sasaran.

Menariknya perbincangan tentang kajian ilmu diplomatik ini kerana dapat diteliti dari pelbagai sudut pandangan seperti politik, agama, adat, budaya, sosial dan juga ekonomi. Walaupun, tidak dinafikan kajian dalam bidang ini memerlukan pengetahuan asas dalam pelbagai bidang yang meliputi ekonomi, sejarah, undang-undang, falsafah, geografi, sosiologi, antropologi, psikologi, dan kajian budaya tetapi hal ini bukanlah satu halangan besar, malahan menjadikan kajian meluas dan terbuka kepada kepelbagaian perbincangan. Hal ini akan dapat memberi ruang kepada pengkaji dalam bidang lain untuk meneliti ilmu diplomatik secara mendalam khususnya pada zaman kesultanan Melayu. Ilmu diplomatik pada zaman kesultanan dapat memperlihatkan kerencahan pemikiran pemerintah dan pembesar Melayu dalam usaha membentuk serta melangsungkan hubungan diplomatik. Kerencahan pemikiran diplomatik itu dapat ditemui menerusi peristiwa yang dirakamkan oleh para ilmuwan dalam manuskrip Melayu.

Perkara paling utama sebelum terbentuknya sesebuah hubungan diplomatik itu, sesebuah kerajaan perlu memantapkan aspek dalamannya terlebih dahulu. Dengan

mewujudkan sistem politik tradisional atau dikenali sebagai sistem menteri dengan pusat kekuasaan terletak di tangan sultan yang melantik beberapa orang pembesar untuk membantu baginda dalam pentadbiran agar menjadi lebih terurus. Sebagai orang kanan raja, pembesar diberikan tanggungjawab untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan dan raja di bawah jajahan untuk mengelakkan serangan daripada kerajaan seterus. Misalnya, tugas laksamana dan temenggung sangat penting kerana berkait rapat dengan keselamatan kerajaan. Laksamana berperanan mengetuai angkatan pertahanan di laut ataupun darat, manakala Temenggung pula menjaga keamanan dalam negeri. Pada masa yang sama, acap kali juga pembesar ditugaskan menjadi utusan diplomatik ke luar negara bagi menjayakan misi besar kerajaan. Pembahagian peranan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sentiasa memandang ke hadapan dan bersedia menawarkan hubungan diplomatik kepada kerajaan luar. Pengukuhan faktor dalaman seperti lantikan jentera pentadbiran yang kukuh akan dapat meyakinkan pemerintah luar untuk menerima penawaran hubungan tersebut.

Tahap penguasaan diplomatik masyarakat Melayu terserah apabila mereka mengasosiasikan aspek sosiobudaya dengan politik. Dengan kata lain, ilmu diplomatik merupakan dasar penting kepada pembentukan sosiobudaya-politik Melayu. Misalnya, menjadikan perkahwinan sebagai medium kepada usaha menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa besar rantau Nusantara. Semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah, Melaka menjadi sebuah pangkalan luar yang terpenting bagi kapal perdagangan, kesan daripada menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan besar seperti China dan Majapahit. Pada pertengahan kurun ke-15, Melaka merupakan pelabuhan tersibuk di dunia, seperti yang dinyatakan oleh Tome Pires pada tahun 1512 dalam *Suma Oriental of Tome Pires* (Cortesao A. (ed.), 1944), iaitu:

*No trading port as large as Malacca is known nor anywhere they deal in such fine and highly prized merchandise. There is no doubt that the affairs of Malacca of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow.*

Sementara di Aceh pula, Sultan Alauddin Riayat Shah turut menggunakan strategi yang sama. Baginda digelar *al-Qahar* kerana ketangkasannya dan kegagahannya menentang Portugis (Fadhulullah, 1984). Al-Qahar telah mengahwinkan puterinya dengan Raden Bahar, iaitu putera al-Marhum Sultan Alauddin II (sultan Johor) agar permusuhan Aceh-Johor (sekutu Portugis) dapat diselesaikan. Ikatan perkahwinan pada zaman feudal merupakan norma biasa golongan raja dan bangsawan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul antara dua kerajaan. Selain itu, hubungan antara Kedah dan Siam juga telah berubah coraknya semasa Sultan Ahmad Tajuddin

Mukarram Syah (1854–1879) memerintah Kedah. Hubungan dingin antara Kedah bertukar menjadi erat apabila baginda berkahwin dengan Wan Jah binti Luang Nik Abidin, iaitu anak angkat kepada Chao Phraya, Sri Suriyawong (Samdet Chao Phraya) pada 1955. Perkahwinan ini telah memberi impak positif dari aspek politik dan sosial kepada kedua-dua buah kerajaan. Selain kerajaan yang dinyatakan, terdapat juga kerajaan lain seperti Johor, Sambas, dan kerajaan lain di Nusantara, yang turut menggunakan kaedah masing-masing untuk melangsungkan hubungan diplomatik.

Ilmu diplomatik sebagai pustaka watan mampu menjadi wadah ilmu yang penting kepada golongan sasaran seperti pegawai diplomatik, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara serta pelajar jurusan sains politik dan hubungan antarabangsa dalam menelaah dan membuktikan bahawa kejayaan hubungan antarabangsa negara pada masa kini adalah diwarisi oleh generasi terdahulu. Hal ini kerana ilmu ini banyak memberikan informasi dan pengetahuan tentang tahap kecekapan akal fikir dan budi masyarakat Melayu dahulu dalam usaha mempertahankan jati diri bangsa atau identiti bangsa Melayu sebagai bangsa yang mempunyai kerajaan dan negara yang berdaulat. Selain itu, ilmu diplomatik pustaka watan juga mewujudkan semangat perpaduan antarabangsa dan sebagai medium bertulis yang membuktikan kewujudan masyarakat Melayu sebagai suatu bangsa yang memiliki peradaban hidup.

### **ILMU DIPLOMATIK MENERUSI *HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA***

Melalui penelitian dan pembacaan menerusi manuskrip Melayu, ditemui beberapa kemahiran ilmu diplomatik yang dipraktikkan dalam pemerintahan dan pentadbiran kesultanan Melayu. Kemahiran ini dapat dilihat dengan gabungan pemikiran antara sultan dan pembesar, iaitu, sultan sebagai pencetus ilham kepada hubungan diplomatik dan pembesar sebagai pelaksana yang akan menyantuni serta mengorganisasi jentera bagi matlamat hubungan diplomatik. Kesepadan akal budi kedua-dua golongan ini ternyata memainkan peranan penting untuk melancarkan urusan diplomatik pada tahap awal lagi sehingga tahap pengurusan pelaksanaan. Menurut Daft dan Marcic (2006), pengurusan ialah pencapaian matlamat secara efektif dan efisien melalui proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber-sumber bagi mencapai matlamat.

Kedudukan *Hikayat Merong Mahawangsa* dalam kesusastraan Melayu tradisional adalah bergenre sastera sejarah kerana teks ini cenderung kepada ciri-ciri yang terdapat dalam kategori ini. Misalnya, terdapatnya salasilah keturunan pemerintah, asal-usul pembukaan kerajaan dan juga catatan kegemilangan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Siti Hawa (1998) menyatakan bahawa *Hikayat Merong*

*Mahawangsa* tergolong dalam genre kesusasteraan sejarah Melayu tradisional dan mematuhi struktur penulisan pensejarahan tradisional dan teks ini merupakan hasil sastera yang memancarkan pemikiran masyarakat Melayu tentang bentuk penulisan sejarahnya yang tersendiri (Harun *et al.*, 2000). Oleh itu, teks ini akan dijadikan bahan perbincangan untuk meneliti ilmu diplomatik sebagai pustaka watan.

Ilmu diplomatik ini sangat berkait rapat dengan kaedah pengendalian yang dibentuk oleh sesebuah kerajaan. Bagi mencapai kestabilan kerajaan serta menjadi sebuah kerajaan yang berkuasa dan berpengaruh, raja dan pembesar akan berusaha memikirkan pelbagai kaedah untuk mencapai misi dan visi hubungan diplomatik. Antara ilmu diplomatik yang dapat dikongsikan dalam penulisan menerusi teks kajian ialah:

- (1) Melakukan risikan terhadap kerajaan luar.
- (2) Jalinan hubungan secara serempak.

### **Melakukan Risikan terhadap Kerajaan Luar**

Kemahiran melakukan perisikan menuntut pengetahuan tentang selok-belok ilmu geografi, ekonomi, politik dan budaya. Dalam hubungan diplomatik, aktiviti risikan sangat penting untuk mendapatkan latar belakang sesebuah kerajaan. Hal ini merupakan suatu bukti komitmen dan kesungguhan sebuah kerajaan yang menawarkan hubungan diplomatik di samping menunjukkan bahawa adab menjalinkan hubungan dengan individu lain dipraktikkan, iaitu mencari maklumat awal sebelum bertandang ke sesebuah kerajaan luar. Pengalaman yang memeritkan tetapi telah terjadi apabila pengarang *Sulalat al-Salatin* mencatatkan bahawa kerajaan Haru dan Pasai berperang dan berbunuhan akibat ketidakpekaan kerajaan Haru terhadap adat dan budaya kerajaan Pasai kerana utusan yang dihantar mewakili kerajaan tersebut gagal melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.

Kaedah perisikan sangat penting sebelum melangsungkan hubungan diplomatik dengan mana-mana kerajaan. Keberkesanan pengurusan perancangan ini adalah dengan melibatkan pergerakan di bahagian pengurusan, iaitu golongan bangsawan ataupun rakyat yang dilantik dalam pentadbiran. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kecekapan capaian maklumat dan mengurangkan kesilapan agar urusan diplomatik berjalan dengan lancar. Perkara ini sangat penting untuk diketahui bagi mengelakkan kesalahfahaman dan persaingan tidak sihat antara kerajaan penawar dengan kerajaan penerima diplomatik apabila proses menjalinkan hubungan diplomatik berlangsung. Diplomatik menuntut kedamaian dan sikap tolak ansur serta menerima perhubungan baik dan selesa. Aktiviti risikan ini juga akan

dapat mengetahui kekuatan ataupun kelemahan bakal kerajaan penerima diplomatik. Oleh itu, dengan hubungan diplomatik ini akan membantu memperkuat kekurangan dan menambahkan lagi sumber yang menjadi kekuatan kepada sesebuah kerajaan. Dalam hal ini, tidak mustahil sekiranya sistem ala barter dipraktikkan dengan mengutamakan situasi menang-menang.

*Hikayat Merong Mahawangsa* menceritakan tentang kerajaan Langkasuka sebagai sebuah kerajaan kecil dan kurang dikenali pada fasa pembukaannya. Raja Merong Mahawangsa menyedari tentang hal ini dan baginda ingin membawa Langkasuka ke suatu tahap yang stabil dan selesa terutamanya dari segi sokongan sumber ekonomi dan politik. Lalu, baginda mengarahkan rakyatnya untuk mendapatkan maklumat tentang kerajaan yang berada di sekitar Langkasuka. Perancangan risikan untuk mengetahui latar belakang kerajaan jelas digambarkan menerusi dialog di bawah ini:

... Maka titah Raja Merong Mahawangsa kepada menteri keempat itu, “Di mana juga ada negeri besar hampir dengan di sini, kalau-kalau ada ia menaruh anak perempuan, supaya boleh kita pinang anaknya akan anak kita ini?” (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:29)

Dialog ini merupakan arahan dalam bentuk risikan oleh Raja Merong Mahawangsa untuk mendapatkan kejelasan maklumat tentang kerajaan yang berhampiran. Walaupun tidak dinyatakan secara terus, namun dalam pengertiannya, baginda ingin pihak yang diperintah tersebut bertindak dengan meletakkan kata kunci “meminang” sebagai simbol kepada penawaran tersebut. Perkahwinan merupakan suatu aset dan langkah yang sangat efisien untuk menjalinkan hubungan diplomatik yang berpanjangan. Cara ini juga dapat memastikan nasab keturunan sesama status dapat dipelihara.

Dalam agama Islam, penjagaan nasab keturunan sangat penting bagi memastikan susur galur keturunan tersebut mempunyai warisan yang berkualiti dan berkredibiliti baik. Perkara ini juga sangat ditekankan dalam sesebuah pemerintahan yang mengutamakan anak gahara atau yang senasab. Penjagaan nasab mempunyai peranan yang penting dalam menjamin kesejahteraan fizikal, emosi dan rohani (Yashar, 2014). Raja Merong Mahawangsa telah melakukan risikan awal bagi memastikan bakal kerajaan diplomatik tersebut memenuhi kriteria yang diinginkannya.

Hasil daripada risikan tersebut, Raja Merong Mahawangsa dimaklumkan bahawa terdapat dua buah kerajaan besar yang berhampiran dengan Langkasuka, iaitu Aceh dan Kelingga. Perkara yang menarik daripada risikan awal ini apabila menteri yang diamanahkan turut menyatakan jarak masa untuk pergi berlayar ke tempat berkenaan serta turut menyebutkan sumber kekuatan kerajaan tersebut. Hal

ini menandakan bahawa menteri yang dihantar merupakan seorang yang ahli dalam penentuan kedudukan geografi dan juga politik.

Yang berikut ialah contoh petikan yang berkesinambungan dengan perbincangan di atas:

(a) Risikan diplomatik ke Aceh

Maka sembah menteri tua yang keempat, “Tiada, tuanku, negeri yang dekat-dekat ini; patik sekalian beroleh khabar, hanya yang ada negeri pun khabaran di Pulau Perca, negeri Aceh namanya, tuanku, ada sebuah di susur laut jua negeri itu, banyak jua takluknya. Dan jauh pelayarannya dua puluh lima hari lamanya daripada sini dan halanya sebelah tanah daratan kita ini ada sebuah negeri pula. (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:30)

(b) Risikan diplomatik ke Kelinggi.

Nama rajanya Kelinggi, lautnya daripada sebelah kita datang jua, negeri itu pun jauhlah jua pelayarannya itu hingga sebulan belayar maka sampailah; terlalu banyak segala yang ajaib di dalam negeri itu, daripada tempayan dan guri dan pohon kayu malau-tahi-semut dan lagi pun banyak kayu yang besar-besar dan di hulu sungainya jauh serta dengan luasnya, tuanku” (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:30)

Setelah mendengar jawapan tersebut, Raja Merong Mahawangsa seakan-akan memperoleh “ganjaran besar” apabila mendapat berita berkenaan lokasi kerajaan yang berpengaruh, terletak berhampiran dengan Langkasuka. Perkara ini membuktikan dengan melakukan risikan yang betul dan bersungguh-sungguh, sudah pasti akan dapat memberi maklumat tepat sekali gus dapat membantu pemerintah menguruskan dan menentukan corak atau bentuk diplomatik yang sesuai untuk diaplikasikannya.

### **Jalinan Hubungan Secara Serempak**

Pelaksanaan hubungan secara serempak merupakan idea yang dapat diumpamakan sebagai dapatan hasil yang berganda. Namun demikian, ilmu diplomatik ini perlu pengendalian berstrategi. Menurut Mintzberg (1994), strategi ialah perancangan, iaitu suatu petunjuk yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti pada masa hadapan. Strategi ialah pelan atau cara untuk mencapai sesuatu objektif dengan melihat kepada teknik yang sistematik. Tanpa strategi yang betul dan tepat, segala perancangan yang diatur akan gagal.

Berdasarkan pengamatan menerusi *Hikayat Merong Mahawangsa*, jalinan hubungan secara serempak ini merupakan kesinambungan daripada kaedah risikan

awal yang dilakukan oleh Langkasuka terhadap Aceh dan Kelinggi. Namun begitu, strateginya bertambah kemas dan tersusun apabila Langkasuka menggunakan kaedah jalinan hubungan secara serempak. Hasil dapatan menunjukkan, Raja Merong Mahawangsa ialah seorang raja yang bijaksana, khususnya dalam hal menetapkan urusan diplomatik kerajaan Langkasuka demi kelangsungan pemerintahan yang diwarisi, di samping memelihara kebijakan dan kesejahteraan rakyat yang diperintah. Dengan itu, sebagai seorang ketua kerajaan haruslah mempunyai keupayaan berfikir, berperibadi baik, dapat memimpin hawa nafsu dan bertimbang rasa dan bersifat adil dalam hal menjatuhkan sebarang hukuman. *Nasihat al-Muluk* juga mencatatkan tentang hal ini. Contohnya:

Seyogianya bagi yang berkehendak akan memeliharkan adil atas segala rakyatnya itu bahawa ditertibkan akan segala hambanya dan pada segala yang bekerja padanya bagi adil itu. (*Nasihat al-Muluk*, MS Dc.6. 73)

Pelaksanaan jalinan hubungan diplomatik secara serempak ini dapat dilihat dengan langkah yang diambil oleh Langkasuka. Medium utama yang digunakan oleh Langkasuka untuk menjalinkan hubungan dengan Kelinggi adalah dengan mengutus surat, meminang puteri kerajaan dan juga memohon khazanah berharga daripada kerajaan tersebut. Buktinya:

Maka titah Raja Merong Mahawangsa, “Jikalau demikian, hendaklah tuan hamba perbuat surat, kita pinta sebiji tempayan yang besar daripada segala tempayan yang banyak-banyak itu kepada raja Kelinggi itu, kemudian boleh kita ambil khabar anaknya. (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:30)

Sementara dengan Aceh pula, Langkasuka menggunakan kaedah yang hampir sama, iaitu mengutus surat dan memohon hasil ekonomi bagi merancakkan urus niaga perdagangan antara dua hala.

Dan negeri Aceh itu pun perbuat juga surat, kita beri akan dia, tanda kita tulus ikhlas hendak berkasih-kasihan dengan dia, lagi menyatakan kita baharu buat negeri ini, pinta tolong mana yang ada, segala ajaib-ajaib, daripada harta atau dagangan, boleh ia hantar mari negeri kita ini. Itulah tanda kita berkasih-kasihan raja sama raja.” (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:30)

Kebijaksanaan Raja Merong Mahawangsa jelas kelihatan apabila melangsungkan hubungan diplomatik dengan kerajaan yang mempunyai sistem ketahanan dan pertahanan yang kukuh serta ekonomi yang stabil secara serempak. Misalnya,

hubungannya dengan kerajaan Kelinggi adalah cenderung ke arah diplomatik sosial, sementara hubungan dengan kerajaan Aceh pula cenderung pada diplomatik dari aspek ekonomi dan juga politik. Jalinan hubungan secara serempak ini merupakan usaha Raja Merong Mahawangsa untuk meninggikan kedudukan Langkasuka sebagai kerajaan baharu untuk menuju pembangunan kemajuan. Selain itu, dapat memelihara dan memastikan nasab yang baik bagi pewaris kerajaan, hasil percampuran perkahwinan daripada kerajaan yang berdaulat. Raja Merong Mahawangsa juga dapat memastikan sistem ketahanan dan pertahanan kerajaan Langkasuka dapat ditingkatkan di samping ekonomi yang stabil dengan sokongan kerajaan Aceh dan Kelinggi.

Kedua-dua aspek dalam ilmu diplomatik ini ditanggapi sebagai berjaya ataupun sebaliknya, dengan melihat keberkesanan pelaksanaan ilmu diplomatik yang dirancangkan oleh Langkasuka. Berdasarkan tindak balas daripada kedua-dua buah kerajaan ini memperlihatkan Langkasuka berjaya memenangi hati pemerintah kerajaan tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan di bawah:

(a) Maklum balas daripada Kelinggi:

(i) Memperoleh persetujuan atas permintaan yang dimohon

Maka titah raja Kelinggi, “Baiklah, jika demikian, adalah sebiji tempayan yang besar daripada orang tua hamba. Itulah hamba berikan pada raja tuan hamba.” Lalu disuruh oleh raja Kelinggi ambil tempayan itu. (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:32)

(ii) Mendapat surat balasan:

... Setelah sudah dimuat tempayan itu ke kapal, maka beberapa hari lamanya raja Kelinggi pun memberi surat balas kepada Raja Merong Mahawangsa itu, tanda berkasih-kasihan.

Maka titah raja Kelinggi kepada utusan itu, “Katakanlah kepada raja tuan hamba, hendaklah disuruh orang pergi datang ke negeri beta ini, jangan berputusan, biar sampai kepada anak cucu.” (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:32)

(a) Maklum balas dari Aceh:


(i) menerima surat balasan dan bingkisan

Sebermula maka adapun utusan yang disuruh pergi ke negeri Aceh itu pun datanglah mengadap Raja Merong Mahawangsa membawa surat dan bingkisan hadiah daripada raja Aceh itu, serta mengunjukkan surat itu dipersembahkan kepada baginda dengan

segala bingkisan itu. Maka disuruh oleh Raja Merong Mahawangsa membaca surat itu pada menteri keempat. Setelah sudah dibacanya dan didengar oleh baginda sekalian yang tersebut di dalam surat itu, serta melihat segala bingkisan-bingkisan itu dengan berbagai aneka jenisnya daripada perbendaharaan perhiasan yang indah-indah, maka terlalulah sukatanya ... (*Hikayat Merong Mahawangsa*, 1998:33)

Secara ringkasnya, Rajah 2 di bawah ini ialah gambaran maklum balas yang diterima oleh kerajaan Langkasuka daripada kedua-dua buah kerajaan.

Pelaksanaan kedua-dua aspek ilmu diplomatik ini dapat dikaitkan dengan bentuk ilmu diplomatik, iaitu tindakan dan seleksi. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa Langkasuka telah menetapkan terlebih dahulu bentuk tersebut dan melanjutkannya dengan perhubungan yang lebih serius. Namun begitu, dalam hal ini, fokus utama bukan sahaja tertumpu pada aspek pengorganisasian sumber manusia dan penggunaan alam semula jadi semata-mata untuk mencapai permuafakatan dalam hubungan diplomatik. Perkara yang lebih penting ialah pencegahan daripada sebarang krisis yang bakal terjadi. Matlamat utama hubungan diplomatik ialah mencapai permuafakatan dan mengekalkan perdamaian. Oleh itu, kebijaksanaan pemerintah dan pembesar bukanlah menjadi faktor utama dalam mencapai kejayaan sesebuah diplomatik tetapi adalah disebabkan oleh aspek adab dan nilai moral yang menjadi amalan. Perkara ini jugalah menjadi penyebab kepada penerimaan terhadap hubungan diplomatik.



**Rajah 2** Kaedah penerimaan kerajaan Kelinggi dan Aceh.

## KESIMPULAN

Hubungan diplomatik yang luas merupakan antara mercu kegemilangan kesultanan Melayu yang patut dibanggakan kerana bukan mudah untuk mengendalikan hal ehwal tanpa sempadan ini yang melibatkan pelbagai kerajaan. Dengan mengenal pasti keperluan bentuk hubungan diplomatik akan membantu serta memudahkan pemerintah berkenaan mengawal selia, mengatur serta mengeluarkan arahan yang tepat dan jelas untuk memberi kefahaman dalam usaha mencapai misi dan visi kerajaan.

Menerusi perbincangan ini, ilmu diplomatik merupakan salah satu pustaka watan dalam kesusasteraan Melayu tradisional yang perlu diketengahkan kajiannya. Dengan wadah keintellectual yang dipancarkan melalui peristiwa dalam manuskrip Melayu, dapat dinyatakan bahawa ilmu diplomatik mempunyai matlamat untuk mewujudkan kedamaian serantau. Selain itu, bentuknya juga dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu tradisi, tindakan dan seleksi. Melalui rekod peristiwa yang berkaitan dengan diplomatik, bentuk-bentuk ini dapat disuaipadankan.

Selain itu, daripada pemilihan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dapat dibuktikan pengaplikasian ilmu diplomatik ini, iaitu dengan adanya kaedah risikan terhadap kerajaan luar dan jalinan hubungan secara serempak. Raja Merong Mahawangsa sebagai pemerintah yang bijak dan cukup bertuah kerana dikurniakan menteri-menteri yang cekap sehingga berjaya menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Aceh dan Kelinggi dengan menggunakan pelbagai medium. Begitu juga Aceh dan Kelinggi dengan berbesar hati telah membala niat baik Langkasuka untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Perkara penting yang dapat dinyatakan dalam kajian ini ialah pelaksanaan ilmu diplomatik ini memerlukan kemahiran secara menyeluruh terutamanya pengetahuan dari segi politik, ekonomi, sosial, dan juga geografi agar mendapat impak yang terbaik. Ilmu watan ini sememangnya menguji akal fikir dan dapat menyumbang kepada pengetahuan kearifan lokal dalam urus tadbir diplomatik. Oleh itu, kajian lanjutan perlu dilakukan tentang ilmu diplomatik agar dapat diperkembang ruang pengkajiannya di samping dapat memberi pengetahuan kepada pengkaji bidang lain dan juga masyarakat pembaca.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

## RUJUKAN

- Afzal Iqbal. (2000). *Diplomasi Islam*. Pustaka Al-Kautsar.
- Amat Juhari Moain & Abdul Rashid Melebek. (2006). *Sejarah bahasa Melayu*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Bijan Bidabad. (2012). Diplomacy principles: An Islamic Sufi approach–continuation. *International Journal of Law and Management*, 54(6), 422–442.
- Cortesao, A. (Ed.).(1944). *The Suma Oriental of Tome Pires (Jilid Dua)*. Kakluyat Society.
- Daft, R. L, & Marcic, D. (2006). *Understanding management*. Thomson South Western.
- Fadhlullah Jamil. (1984). Perhubungan antara Kerajaan Aceh dengan Semenanjung Tanah Melayu. Satu tinjauan sejarah di sekitar abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi. *Nusantara*, 12, 37–58.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. (2006). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2014). Ilmu perkasihan (seksologi) Melayu tradisional: Satu pembicaraan awal. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu pada 6–7 Mei 2014 di Hotel Seri Pasific, Kuala Lumpur.
- Hashim Musa. (2004). *Pemerkasaan tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi globalisasi Barat*. Penerbit Universiti Malaya dan Pusat Dialog Peradaban.
- Mintzberg, H. (1994). *The rise and fall of strategic planning: Reconceiving the roles for planning, plans, planners*. The Free Press.
- Mohd Jamil Mukmin. (2011). Sejarah hubungan diplomasi Kerajaan Melayu: Satu tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2, 71–90.
- Mokhtar Muhammad. (2005). *Perhubungan antarabangsa: Konsep dan konteks*. Anzagain Sdn. Bhd.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018). Implikasi hubungan diplomatik terhadap kerajaan Melaka dan Kedah berdasarkan naskhah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 99–108.
- Siti Hawa Salleh (Comp.). (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. (2015). Kepustakaan ilmu tradisional: Sumbangan naskhah-naskhah ilmu bedil Melayu. *WACANA ETNIK, Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 5(1), 13–24.
- Yashar Syarif. (2014). Hifz al-Nasal wa al-Nasab wa al-Usrah. Kertas kerja yang dibentangkan untuk Muktamar Abhath wa al-Waqai' kali ke-22.